

Gaya Pembelajaran Dan Kesannya Terhadap Penglibatan Pelajar Tahun Akhir Kursus SPP, SPK dan SPT Fakulti Pendidikan Dalam Persekitaran E-Pembelajaran

Jamalludin Harun & Ilani Binti Hamzah

Fakulti Pendidikan

Universiti Teknologi Malaysia

Abstrak : Kajian ini dijalankan adalah untuk mengetahui gaya pembelajaran pelajar tahun akhir dan juga untuk mengkaji perkaitan antara gaya pembelajaran dan kesan terhadap penglibatan pelajar dalam persekitaran E-Pembelajaran di UTM. Responden kajian adalah terdiri daripada 69 orang pelajar-pelajar tahun akhir 4SPP, 4SPT dan 4SPK Fakulti Pendidikan, UTM. Gaya pembelajaran yang digunakan didalam kajian ini adalah Gaya Pembelajaran Kolb. Instrumen kajian terdiri daripada 1 set boring soal selidik yang mengandungi 39 item terdiri daripada 4 bahagian. Nilai kebolehpercayaan alpha yang diperoleh adalah 0.832. Data dianalisis secara deskriptif menggunakan perisian *Statistical Packages for Sosial Science* (SPSS) versi 11.5 dan dipersembahkan dalam bentuk peratusan dan min bagi setiap item didalam borang soal selidik. Penggunaan sistem E-Pembelajaran adalah pada tahap tinggi iaitu lebih daripada 70% responden mengakses E-Pembelajaran antara 2 hingga 5 kali dalam seminggu manakala 11.6% mengakses setiap hari. Hasil kajian mendapati bahawa kebanyakan pelajar bersetuju sistem E-Pembelajaran memberikan bahan yang berguna yang membantu proses P&P pelajar adalah kandungan isi pembelajaran. Kesemua faktor-faktor dalam kategori ini memberikan nilai min yang tinggi iaitu 3.83. Selain itu, dapatan berikutnya menyatakan kebanyakan responden cenderung mempunyai gaya pembelajaran jenis Asimilasi. Akhirnya, didapati hubungan yang signifikan antara gaya pembelajaran dengan penglibatan pelajar didalam E-Pembelajaran ($r=0.419$). Kesimpulannya, keputusan daripada kajian ini mendapati bahawa perkaitan antara gaya pembelajaran dan kesan terhadap penglibatan pelajar dalam persekitaran E-Pembelajaran adalah pada tahap sederhana.

Katakunci : gaya pembelajaran, kesan, penglibatan pelajar, E-Pembelajaran

Pengenalan

Institusi pendidikan memainkan peranan yang cukup besar dalam membentuk serta mendidik insan dalam memenuhi matlamat dan hasrat Falsafah Pendidikan Negara. Matlamat utamanya adalah membentuk masyarakat yang berpengetahuan tinggi serta beretika seterusnya dapat memajukan negara dalam menuju wawasan 2020.

Senario pendidikan masa kini memerlukan satu kaedah pembelajaran yang kreatif dan berinovatif sejajar dengan seruan kerajaan bagi melahirkan insan yang berguna untuk agama, bangsa dan negara. Dalam era globalisasi ini, pelbagai kaedah Pengajaran dan Pembelajaran (P&P) telah diperkenalkan bagi mewujudkan variasi dalam proses P&P seperti pembelajaran secara menggunakan komputer, EPembelajaran dan sebagainya. Menurut Badrul Khan(2005), E-Pembelajaran boleh dilihat sebagai satu pendekatan yang inovatif untuk menyampaikan perkara yang menarik, berpusatkan kepada pelajar dan suasana kemudahan pembelajaran kepada sesiapa sahaja, dimana sahaja dan pada bila-bila masa serta sumber kepada pelbagai teknologi digital kepada bahan pembelajaran yang sesuai untuk keterbukaan, fleksibel dan keserataan suasana pembelajaran.

Pelajar juga mendapat pelbagai kemudahan menggunakan E-Pembelajaran ini. Mereka boleh menghantar tugas, menjawab soalan atau latihan secara *online* dan sebagainya.

Walaupun setiap pelajar mempunyai pelbagai gaya pembelajaran tersendiri, mereka masih dapat menggunakan E-Pembelajaran dalam proses pembelajaran mereka. Kepelbagaian kemudahan disokong dengan penggunaan pelbagai media yang ditawarkan ini menyebabkan ianya sesuai digunakan oleh kebanyakan pelajar. Ini memandangkan setiap pelajar mempunyai gaya pembelajaran masing-masing dan kepelbagaian yang ditawarkan dalam sistem EPembelajaran ini memenuhi keperluan pelajar dengan gaya pembelajaran yang pelbagai.

Oleh yang demikian, sistem E-Pembelajaran dapat disesuaikan dengan kepelbagaian gaya pembelajaran seseorang pelajar dalam era globalisasi kini dalam melahirkan generasi yang kreatif dan inovatif.

Pernyataan Masalah

E-Pembelajaran merupakan suatu alat dalam proses pembelajaran dalam masa kini. Penggunaannya kini diperluaskan bagi memudahkan aktiviti pembelajaran. Dengan penggunaan E-Pembelajaran, suasana pembelajaran yang lebih mudah serta dapat mewujudkan suasana pembelajaran yang menarik.

E-Pembelajaran mula berkembang dengan penerimaan yang positif. Penerapan penggunaannya telah di praktik di kebanyakan institusi pengajian tinggi. Pelajar mula berminat dengan kemudahan ini yang lebih menarik dan fleksibel. Tetapi jika diteliti keberkesanan menggunakan E-Pembelajaran, persoalan tentang kesesuaiannya terhadap pelajar timbul. Ini kerana setiap pelajar mempunyai pelbagai gaya pembelajaran yang tersendiri. Jika dilihat aktiviti setiap pelajar juga berbeza dan kekerapan penggunaan E-Pembelajaran juga berbeza.

Oleh yang demikian, kajian ini dijalankan bagi mengkaji gaya pembelajaran seseorang pelajar dengan penggunaan E-Pembelajaran dalam proses pembelajarannya. Selain itu, diperhatikan juga adakah E-Pembelajaran sesuai dipraktikkan untuk kegunaan kesemua pelajar dalam proses P&P.

Objektif Kajian

1. Mengenalpasti gaya pembelajaran pelajar-pelajar tahun akhir kursus SPP, SPK dan SPT Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia berdasarkan gaya pembelajaran Kolb.
2. Mengkaji hubungan antara gaya pembelajaran pelajar dengan penglibatan pelajar dalam persekitaran E-Pembelajaran daripada aspek berikut :
 - i. Kekerapan menggunakan sistem E-Pembelajaran dalam proses P&P.
 - ii. Kemudahan dalam sistem E-Pembelajaran yang dikenalpasti membantu dalam proses P&P.

Kepentingan Kajian

Kajian ini dijalankan bagi mengenalpasti gaya pembelajaran seseorang pelajar dengan penglibatan mereka dalam e-pembelajaran.

Penggunaan E-Pembelajaran pada masa kini amat memberangsangkan. Pelajar mula berminat dengan sistem ini yang dapat memudahkan mereka memperolehi pelbagai maklumat serta info terkini dengan cepat, pantas dan tanpa had. Gaya pembelajaran setiap pelajar perlu diambil kira dalam penggunaan EPembelajaran. Hal ini kerana setiap pelajar mempunyai pelbagai stail dan ini akan mempengaruhi penglibatan atau cara mereka menggunakan sistem E-Pembelajaran. Selain itu, kajian ini adalah untuk memahami setiap gaya pembelajaran pelajar bagi mempertingkatkan kualiti dengan tujuan untuk membantu pelajar dalam pembelajaran mereka.

Menurut satu kajian yang dijalankan oleh Mohd Koharuddin *et al.*, (2004) telah menunjukkan bahawa para pelajar UTM sedar bahawa dengan menggunakan EPembelajaran, mereka dapat memperoleh banyak nota dan bahan pembelajaran tambahan.

Bagi tenaga pendidik pula, mereka dapat meringankan beban tugas mereka sekiranya penggunaan E-Pembelajaran ditekankan sepenuhnya. Ini kerana EPembelajaran tidak memerlukan hubungan atau komunikasi secara terus menerus dalam proses P&P. Sebagai contoh, pendidik hanya perlu mengutarakan sesuatu permasalahan dan pelajar boleh berdiskusi semasa mereka dalam forum tersebut. Selain itu, pendidik juga boleh menaik turun nota, tugas dan latihan terkini kepada pelajar tanpa perlu memberinya secara langsung semasa proses P&P di dalam kelas disamping kos dapat dikurangkan.

Merujuk kepada pengarah Jabatan Pengajian Tinggi Kementerian Pelajaran Malaysia, Yang Bahagia Prof. Dr. Hassan Said (2002), Kementerian Pelajaran Malaysia telah mengambil inisiatif untuk melaksanakan E-Pembelajaran di institusi pengajian tinggi sebagai salah satu strategi untuk meningkatkan penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) dalam pendidikan negara. Proses pengajaran dan pembelajaran yang berbentuk linear telah digantikan dengan bentuk putaran dimana pelajar boleh bermula dengan belajar, bekerja dan kemudian balik untuk belajar lagi. Selain itu, pihak ini juga perlu memberikan idea dan membantu proses merancang dan merekabentuk sistem E-Pembelajaran supaya penggunaan sistem tersebut dapat memenuhi keperluan pelajar dalam proses P&P.

E-Pembelajaran di UTM

Universiti Teknologi Malaysia (UTM) sebagai sebuah universiti yang bervisi untuk menjadi sebuah pusat kecemerlangan akademik dan teknologi bertaraf dunia melalui kreativiti sudah tentu tidak mahu ketinggalan dan ini dapat dibuktikan melalui pelancaran UTM sebagai sebuah Kampus Siber pada 16 Jun 1997. Salah satu projek pembangunan kampus tersebut ialah sistem e-pembelajaran. Program EPembelajaran telah dikembangkan dan dilaksanakan dengan menggunakan perisian WebCT pada semester II sesi 2001/2002 dan kemudian bertukar menggunakan perisian sumber terbuka (*open source*) Moodle sebagai platform E-Pembelajaran yang baru.

Selari dengan matlamat program E-Pembelajaran, UTM menekankan bahawa maklumat mata pelajaran, nota kuliah, kuiz, tugas dan perbincangan hendaklah boleh diakses oleh para pelajar melalui rangkaian komputer sendiri. Dengan itu, Fakulti Pendidikan telah berusaha bersungguh-sungguh untuk melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran melalui sistem E-Pembelajaran sebagaimana yang disarankan oleh pihak UTM. Melalui sistem E- Pembelajaran, setiap pelajar Fakulti Pendidikan yang berdaftar berpeluang untuk mengakses maklumat mata pelajaran masing-masing pada bila-bila masa dan di mana juga. Pelaksanaan E-Pembelajaran telah menyediakan banyak manfaat kepada pelajar. Antaranya ialah menyediakan kemudahan untuk menyokong proses pembelajaran yang lebih fleksibel, meningkatkan kefahaman dan minat pelajar, menyediakan kemudahan untuk belajar mengikut kemampuan, mendedahkan kepada pelajar konsep pendidikan tanpa batas, dan menggalakkan pelajar menjadi lebih kreatif.

Sejak pelaksanaan E-Pembelajaran, pensyarah-pensyarah Fakulti Pendidikan (FP) terutamanya pensyarah di bawah Jabatan Multimedia Pendidikan telah berusaha untuk memanfaatkan penggunaan E-Pembelajaran dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Pelajar-pelajar telah digalakkan oleh pensyarah untuk menggunakan E-Pembelajaran bagi menghantar tugas dan mengambil kuiz atas talian (*online quiz*). Menurut Jamalludin Harun (2004), tahap penggunaan E-Pembelajaran di kalangan pelajar FP adalah tertinggi di antara fakulti-fakulti

UTM pada semester II sesi 2004/2005. Menurut beliau lagi, pernah satu ketika hits ke pelayan (*server*) EPembelajaran UTM oleh pelajar yang mengambil matapelajaran pendidikan mencapai jumlah melebihi 1500 dalam satu jam.


Gaya Pembelajaran Kolb

Kolb (1976) menghasilkan Inventori Gaya Pembelajaran untuk membolehkan seseorang individu mengetahui gaya pembelajaran mereka masing-masing. Gaya Pembelajaran Kolb terbahagi kepada empat kumpulan utama iaitu pengalaman konkrit (CE), pemerhatian reflektif (RO), pengkonsepsian abstrak (AC) dan pengujian aktif (AE).

Kolb (1976) meringkaskan 4 katogeri dalam empat perkataan :

- a) Perasaan (*feeling / sensing*) sebagai CE
- b) Penglihatan (*watching*) sebagai RO
- c) Pemikiran (*thinking*) sebagai AC
- d) Perbuatan (*doing*) sebagai AE

Daripada empat kumpulan utama tersebut, wujudnya empat gaya pembelajaran iaitu penyesuaian diri (*accommodating*), pencapahan (*diverging*), pemusatan (*converging*) dan asimilasi (*assimilator*).



Rajah 1 : Model Gaya Pembelajaran Kolb (1976)

Kolb merumuskan teorinya dalam dua dimensi iaitu pengalaman konkrit –pengujian aktif dan pengkonsepsian abstrak – pemerhatian reflektif. Bagi dimensi pengalaman konkrit – pengujian aktif, ianya menerangkan bagaimana seseorang individu memahami maklumat baru atau pengalaman baru manakala dimensi pengkonsepsian abstrak – pemerhatian reflektif pula menerangkan bagaimana seseorang individu memproses dan menjelma maklumat yang diterima. Daripada kedua-dua dimensi tersebut, Kolb mengenalpasti empat dominan jenis gaya pembelajaran iaitu penyesuaian diri ialah gabungan AE dan CE, pencapahan ialah gabungan CE dan RO, pemusatan pula ialah gabungan AC dan AE dan asimilasi ialah gabungan AC dan RO.

Rekabentuk Kajian

Rekabentuk kajian telah membimbing pengkaji ke arah mendapatkan maklumat atau data dengan kajian yang dijalankan. Rekabentuk kajian yang digunakan dalam kajian adalah berbentuk kualitatif dan kuantitatif. Rekabentuk kajian kuantitatif selalunya menggunakan soal

selidik. Menurut Wiersma (1995), suatu kajian yang menggunakan pendekatan kuantitatif mempunyai rekabentuk yang lebih berstruktur.

Bagi kajian kualitatif, data yang dipungut adalah daripada persoalan kajian yang berkaitan dengan aktiviti pembelajaran pelajar dalam persekitaran EPembelajaran bagi tujuan P&P mereka. Data adalah hasil daripada soalan terbuka atau kualitatif yang disediakan pada bahagian akhir di dalam borang soal selidik. Kerlinger (1986) dan Courtney (1984) mengenalpasti bahawa terdapat 2 tujuan utama yang asas dalam menghasilkan rekabentuk kajian iaitu mendapat jawapan bagi setiap persoalan kajian dan mengawal varians.

Persampelan

Pada bahagian ini, akan membincangkan sampel kajian yang akan dilakukan didalam kajian ini. Kajian ini melibatkan tiga kursus yang melibatkan pelajar-pelajar tahun akhir iaitu dari kursus Ijazah Sarjana Muda Sains dan Komputer serta Pendidikan (Fizik, Kimia dan Matematik).

Dalam kajian rintis, seramai 10 orang responden dipilih. Respondenresponden terdiri daripada pelajar perdana iaitu pelajar tahun akhir Fakulti Pendidikan yang mengikuti kursus Sarjana Muda Sains dan Komputer serta Pendidikan Matematik (SPT).

Kajian yang dilakukan merujuk kepada pelajar perdana iaitu pelajar tahun akhir Fakulti Pendidikan yang mengambil kursus Ijazah Sarjana Muda Sains dan Komputer serta Pendidikan (Fizik, Kimia dan Matematik) di Universiti Teknologi Malaysia, Skudai.

Jadual 1 : Bilangan keseluruhan pelajar

Kursus	Jumlah pelajar
Fizik (SPP)	17
Kimia (SPK)	27
Matematik (SPT)	36
Jumlah	80

Didalam kajian ini, seramai 69 pelajar terlibat. 10 orang daripada pelajar kursus Ijazah Sarjana Muda Sains dan Komputer serta Pendidikan Matematik (SPT) tidak terlibat kerana mereka telah melakukan kajian rintis. Ini kerana jumlah pelajar SPT adalah ramai dan boleh mempengaruhi persampelan. Selain itu, pengkaji sendiri tidak terlibat didalam jumlah responden untuk kajian ini. Oleh itu, Jadual 2 menunjukkan jumlah sampel pelajar yang terlibat dalam kajian ini.

Jadual 2: Bilangan sampel pelajar bagi setiap kursus

No	Kursus	Bilangan Pelajar	Soal selidik yang berjaya dikumpulkan	Peratus yang berjaya dikumpulkan
1	Ijazah Sarjana Muda Sains dan Komputer serta Pendidikan (Kimia)	27	27	100
2	Ijazah Sarjana Muda Sains dan Komputer serta Pendidikan (Fizik)	16	16	100
3	Ijazah Sarjana Muda Sains dan Komputer serta Pendidikan (Matematik)	26	26	100
	Jumlah	69	69	100

Peraturan sebenar tidak ada, tetapi beberapa penulis memberikan panduan bahawa saiz sampel yang minimum ialah 30 (Siegel dan Castellan, 1998; Black 1993).

Dalam kajian ini, pengkaji mengambil keseluruhan populasi. Ini adalah kerana memandangkan jumlah populasi yang tidak begitu ramai dan kurang daripada seratus orang. Persampelan perlu dilakukan kerana penyelidikan tidak dapat mengkaji perbuatan semua manusia di sekitar dan perlu menghadkan parameter kajian (Miles & Huberman, 1994).

Setelah proses pengedaran soal selidik berjaya dilakukan, didapati kesemua borang soal selidik berjaya dikumpulkan. Ini kerana semasa pengkaji mengedarkan borang soal selidik kesemua pelajar telah hadir.

Instrumen Kajian

Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan borang soal selidik sebagai alat untuk mendapatkan maklum balas dan pengumpulan data. Menurut Sulaiman (2002), soal selidik merupakan cara paling mudah untuk memperoleh maklumat dan mempunyai kebaikan dibandingkan dengan cara lain dalam usaha mendapatkan maklumat kuantitatif. Soal selidik disediakan untuk mengenalpasti tentang gaya pembelajaran, penggunaan sistem E-Pembelajaran serta aktiviti pembelajaran pelajar di didalam sistem E-Pembelajaran.

Soal selidik mengandungi 39 soalan yang terdiri daripada 4 bahagian iaitu bahagian A sebanyak 3 soalan, bahagian B sebanyak 15 soalan, bahagian C sebanyak 20 soalan dan bahagian D adalah soalan berbentuk soalan kualitatif.

Bahagian A

Pada bahagian A adalah soal selidik yang berkaitan dengan demografi pelajar tahun akhir Ijazah Sarjana Muda Sains dan Komputer serta Pendidikan. Bahagian ini mengandungi 3 soalan yang merangkumi jantina dan kursus yang sedang diikuti. Selain itu, turut dimuatkan soalan berkaitan kekerapan pelajar menggunakan komputer dalam P&P dan didalam sistem E-Pembelajaran.

Bahagian B dan C

Bahagian ini terdiri daripada 35 item iaitu 15 item pada bahagian B dan 20 item pada bahagian C. Pada soalan di bahagian B, pengkaji merujuk kepada kajian lepas yang berkaitan dengan faktor-faktor penggunaan *E-Learning* di UTM seperti kajian yang dilakukan oleh Arbaen (2006) mengenai tahap penerimaan sistem E-Pembelajaran di UTM.

Selain itu, pengkaji juga merujuk kepada kajian oleh Janarthini (2007) tentang faktor-faktor yang mempengaruhi E-Pembelajaran di UTM . Pengkaji juga mereka soalan untuk soalan untuk soal selidik pada bahagian B dengan merujuk kepada kajian lepas yang berkaitan seperti kajian oleh Tee Tze Kiong (2003) mengenai gaya pembelajaran Kolb.

Jadual 3 : Taburan Soalan Mengikut Setiap Persoalan Kajian.

No	Persoalan Kajian	Item	Jumlah
1	Apakah gaya pembelajaran pelajar-pelajar tahun akhir aliran perdana Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia berdasarkan gaya pembelajaran Kolb.	Bahagian C No 1-20	15
2	Apakah penglibatan pelajar dalam persekitaran e-pembelajaran daripada aspek kemudahan dalam system e-pembelajaran yang dikenalpasti dalam proses P&P	Bahagian B No 1-15	20

Kaedah Skala Likert digunakan dalam bahagian B dan C dimana responden akan memilih jawapan dari satu keamatan. Skala ini dipilih kerana mempunyai aras kebolehpercayaan yang tinggi. Sehubungan itu, ia akan memberikan suatu hasil yang tepat terhadap suatu pembolehubah yang dikaji (Mohd Majid Konting,1990). Skala Likert dibahagi kepada 5 bahagian iaitu :

Jadual 4 : Skor kenyataan

Kenyataan	Ringkasan	Skor
Sangat Setuju	SS	5
Setuju	S	4
Sederhana Setuju	ST	3
Tidak Setuju	TS	2
Sangat Tidak Setuju	STS	1

Bahagian D

Sementara pada bahagian D merupakan soalan berbentuk kualitatif yang berkaitan tentang maklumat mengenai aktiviti pembelajaran pelajar dalam situasi EPembelajaran. Pelajar-pelajar boleh menyusun aktiviti pembelajaran yang telah disediakan. Selain daripada itu, mereka juga boleh memberi pandangan lain. Pandangan yang telah diberikan akan dikumpul dan dianalisis menerusi kaedah analisis isi kandungan (*content analysis*). Ini dilakukan dengan mengkategorikan secara tema. Setelah ditentukan tema, frasa bagi tema tersebut ditakrifkan dan dikira bilangan kekerapannya.

Kajian Rintis / Kebolehpercayaan Instrumen

Kesahan dan kebolehpercayaan isi kandungan sesuatu soal selidik ini akan diuji didalam satu kajian rintis terlebih dahulu keatas 10 sampel yang dipilih dari pelajar tahun akhir aliran perdana yang mengikuti kursus Sarjana Muda Sains dan Komputer serta Pendidikan Matematik (SPT). Menurut Wiersma (1995), kajian rintis mampu memberi peluang kepada responden untuk memberi komen tentang kekurangan atau kekeliruan instrumen.

Dalam kajian ini, pengkaji melakukan kajian kepada pelajar yang mengambil kursus Sarjana Muda Sains dan Komputer serta Pendidikan Matematik (SPT). Hal ini kerana responden tersebut mempunyai persamaan dalam subjek berasaskan ICT yang diambil seperti populasi didalam kajian ini.

Tujuan kajian rintis dilakukan adalah untuk menguji pekali kebolehpercayaan setiap item didalam soal selidik yang disediakan oleh pengkaji. Selain itu, ianya juga bertujuan untuk menguji kebolehpercayaan item-item dalam soal selidik yang dipilih sebelum kajian sebenar dijalankan dan digunakan untuk mengkaji masalah yang timbul semasa proses soal selidik berjalan. Ini perlu dilakukan ke atas soal selidik sebelum ujian sebenar dijalankan (Sprinthall *et al.*, 1991).

Analisis Demografi Responden

Bahagian ini menjelaskan maklumat demografi responden mengikut kursus yang diambil oleh responden yang terlibat. Seramai 26 orang responden (37.7%) merupakan pelajar Ijazah Sarjana Muda Sains dan Komputer serta Pendidikan (Matematik), manakala 27 orang responden (39.1%) merupakan pelajar Ijazah Sarjana Muda Sains dan Komputer serta Pendidikan (Kimia)

dan 16 orang responden (23.2%) pula merupakan pelajar Ijazah Sarjana Muda Sains dan Komputer serta Pendidikan (Fizik).

Berikut adalah Jadual 5 yang menunjukkan bilangan responden mengikut kursus yang diambil daripada 69 orang yang telah menjawab soal selidik.

Jadual 5: Taburan responden mengikut kursus

Kursus	Kekerapan	Peratus (%)
SPP	16	23.2
SPK	27	39.1
SPT	26	37.7
Jumlah	69	100

Analisis Terhadap Penglibatan Pelajar Dalam Persekitaran EPembelajaran Daripada Aspek Kekerapan Menggunakan Sistem EPembelajaran Dalam Proses P&P.

Pada bahagian ini pula, analisis terhadap persoalan kajian “Apakah penglibatan pelajar dalam persekitaran E-Pembelajaran daripada aspek kekerapan menggunakan sistem E-Pembelajaran dalam proses P&P”.

Analisis dilakukan bagi mendapat kekerapan responden mengakses sistem EPembelajaran dalam proses P&P dalam seminggu. Didapati seramai 34 orang responden (49.3%) mengakses sistem 2-3 kali dalam masa seminggu. Seramai 16 orang responden (23.3%) mengakses sistem ini 4-5 kali seminggu. 11 orang responden (15.9%) pula mengakses dalam sela masa sebulan sekali dan seramai 8 orang responden (11.6%) mengakses hampir setiap hari.

Jadual 6: Taburan responden mengikut kekerapan mengakses E-Pembelajaran

Kekerapan mengakses system E-Pembelajaran	Kekerapan	Peratus (%)
Tidak pernah langsung	0	0
Sebulan sekali	11	15.9
1-2 kali seminggu	34	49.3
4-5 kali seminggu	16	23.2
Setiap hari	8	11.6
Lebih dari 7 kali seminggu	0	0
Jumlah	100	100

Analisis Terhadap Penglibatan Pelajar Dalam Persekitaran EPembelajaran Daripada Aspek Aktiviti Pembelajaran Pelajar Dalam Persekitaran E-Pembelajaran.

Pada bahagian ini, analisis dilakukan bagi menjawab persoalan kajian 2 (iii) iaitu, “Apakah penglibatan pelajar dalam persekitaran E-Pembelajaran daripada aspek aktiviti pembelajaran pelajar dalam persekitaran E-Pembelajaran”.

Item-item bagi persoalan ini terdapat di bahagian D dalam soal selidik yang telah diedarkan. Soalan merupakan soalan terbuka bagi menjawab persoalan kajian. Pada persoalan ini, pengkaji mengkategorikan aktiviti pembelajaran pelajar kepada proses yang lebih spesifik bagi memudahkan proses pengumpulan data dan penilaian. Antara kategori aktiviti pembelajaran adalah :

- i. Aktiviti memanfaatkan sumber P&P
- ii. Aktiviti komunikasi atau interaksi
- iii. Aktiviti personal atau peribadi

Item 3, 4, 5 dan 6 di kelaskan sebagai aktiviti memanfaatkan sumber P&P. Item 2, 7 dan 8 dikelaskan di bawah aktiviti komunikasi atau interaksi dan item 1 dibawah aktiviti personal atau peribadi.

Jadual 7: Taburan kekerapan dan peratusan aktiviti pembelajaran pelajar dalam persekitaran E-Pembelajaran

Nama Aktiviti	Kekerapan	Peratus (%)
Aktiviti memanfaatkan sumber P&P	54	78.3
Aktiviti komunikasi atau interaksi	10	14.5
Aktiviti personal atau peribadi	5	7.2
Jumlah	69	100

Daripada data yang diperoleh, didapati 54 orang responden (78.3%) mempunyai aktiviti pembelajaran didalam e-pembelajaran secara aktiviti memanfaatkan sumber P&P. Aktiviti komunikasi atau interaksi pula seramai 10 orang responden (14.5%) dan aktiviti personal atau peribadi seramai 5 orang responden (7.2%).

Daripada soal selidik, pengkaji telah menyenaraikan 8 aktiviti pembelajaran pelajar didalam E-Pembelajaran serta soalan terbuka. Daripada dapatan yang diperoleh, pengkaji membahagikan aktiviti pembelajaran kepada 3 bahagian iaitu aktiviti pembelajaran secara aktif, aktiviti pembelajaran secara separa aktif dan aktiviti pembelajaran secara pasif.

Aktiviti pembelajaran secara aktif dikategorikan kepada responden yang melakukan aktiviti pembelajaran yang melebihi 7 aktiviti pembelajaran daripada 8 aktiviti yang diberi. Manakala aktiviti pembelajaran separa aktif dikelaskan kepada responden yang melakukan aktiviti pembelajaran diantara 4 sehingga 6 aktiviti pembelajaran daripada 8 aktiviti yang diberi. Bagi aktiviti pembelajaran secara pasif pula, dikelaskan kepada responden yang melakukan aktiviti pembelajaran diantara 1 sehingga 4 aktiviti pembelajaran daripada 8 aktiviti yang dinyatakan dalam soal selidik.

Jadual 8: Taburan kekerapan dan peratusan

Aktiviti Pembelajaran	Kekerapan	Peratus (%)
Aktiviti pembelajaran secara aktif	32	46.4
Aktiviti pembelajaran secara separa aktif	31	44.9
Aktiviti pembelajaran secara pasif	6	8.7
Jumlah	69	100.0

Jadual 8 menunjukkan taburan kekerapan aktiviti pembelajaran pelajar di dalam sistem e-pembelajaran. Didapati seramai 32 orang responden (46.4%) mempunyai aktiviti pembelajaran melalui E-Pembelajaran secara aktif. Manakala seramai 31 orang responden (44.9%) mempunyai aktiviti pembelajaran secara separa aktif dan hanya 6 orang responden (8.7%) mempunyai aktiviti pembelajaran secara pasif.

Perbincangan

Dalam keputusan bagi persoalan kajian ini, daripada Jadual 3 didapati seramai 26 orang responden mempunyai gaya pembelajaran jenis Asimilasi (*assimilator*). Manakala seramai 16 orang responden masing-masing mempunyai gaya pembelajaran jenis Penyesuaian Diri (*accommodating*) dan Pencapahan (*diverging*). Gaya pembelajaran jenis Pemusatan (*converging*)

mencatatkan nilai seramai 11 orang responden. Ini menunjukkan bahawa pelajar-pelajar tahun akhir Fakulti Pendidikan mempunyai gaya pembelajaran yang pelbagai.

Gaya pembelajaran yang dipunyai oleh pelajar-pelajar tahun akhir Fakulti Pendidikan berkaitan rapat dengan latarbelakang pendidikan mereka. Pelajar yang mempunyai gaya pembelajaran jenis Asimilasi merupakan golongan yang menitikberatkan konsep-konsep yang abstrak dan memproses secara reflektif. Mereka belajar dengan memikirkan mengenai idea-idea. Mereka menggemari fakta-fakta dalam menjelaskan sesuatu konsep. Mereka tidak meminati bidang kemanusiaan dan pengaplikasian pengetahuan secara praktikal. Aktiviti yang sesuai bagi golongan ini adalah seperti membangunkan teori, membandingkan alternatif yang ada dan hipotesis serta mendefinisikan sesuatu masalah. Mereka sesuai mencebur diri dalam bidang perancangan dan penyelidikan. Latarbelakang mereka adalah didalam bidang sains dan matematik.

Dapatan ini adalah bertentangan dengan kajian Tze Tee Kiong (2003). Dapatan kajiannya ke atas 394 orang responden yang terdiri daripada pelajar-pelajar Tahun 2 Sarjana Muda Teknologi serta Pendidikan STP (A/E/J) dengan pelajar-pelajar Tahun 2 Sarjana Muda Kejuruteraan (Awam / Elektrik/ Mekanikal) di Universiti Teknologi Malaysia mendapati seramai 184 orang responden mempunyai gaya pembelajaran jenis Pencapaian manakala seramai 87 orang responden mempunyai gaya pembelajaran jenis Penyesuaian Diri. Seramai 73 orang responden mempunyai gaya pembelajaran jenis Asimilasi dan 50 orang mempunyai gaya pembelajaran jenis Pemusatan. Beliau turut menyatakan bahawa dapatan yang diperolehi bertentangan dengan teori Gaya Pembelajaran Kolb jenis Pencapaian dimana kekerapan tertinggi tidak mencerminkan gaya sebenar ciri-ciri yang dimiliki oleh individu yang mempunyai gaya pembelajaran jenis Pencapaian.

Naser-Nick Manochehr (2006), menyatakan penglibatan pelajar dalam system E-Pembelajaran berkait rapat dengan gaya pembelajaran yang diterapkan kerana ini mampu menarik minat pelajar. Pelajar yang mempunyai gaya pembelajaran jenis Asimilasi dan Pencapaian menunjukkan minat yang baik kepada sistem EPembelajaran manakala pelajar yang mempunyai gaya pembelajaran jenis gaya pembelajaran Pemusatan dan Penyesuaian Diri cenderung kepada proses P&P secara tradisional.

Jika dilihat kepada dapatan daripada kajian ini, dapatan yang diperolehi menunjukkan gaya pembelajaran jenis Asimilasi mencatatkan kekerapan yang tinggi. Ini adalah selaras dengan ciri-ciri yang dipunyai didalam Gaya Pembelajaran Kolb jenis Asimilasi. Dapatan mungkin dipengaruhi oleh latarbelakang yang dimiliki oleh responden dimana responden merupakan pelajar daripada aliran sains dan matematik.

Dalam keputusan yang diperolehi daripada Jadual 6, didapati kekerapan tertinggi mengakses E-Pembelajaran adalah seramai 34 orang responden (49.3%) iaitu 2-3 kali dalam masa seminggu. Manakala menurut Arbaen (2006) daripada kajian terhadap pelajar tahun akhir kursus SPP, SPK dan SPT di UTM Skudai, seramai 23 orang responden (38.3%) memperuntuk sekali seminggu untuk mengakses E-Pembelajaran. Daripada kajiannya, beliau menyatakan bahawa pelajar-pelajar kurang berminat untuk mengakses *E-Learning* dan mereka mempunyai masalah dalam mengakses sistem E-Pembelajaran. Antara masalah yang dinyatakan adalah seperti masalah kekangan masa pelajar untuk mengakses disebabkan banyak tugas-tugas harian. Selain itu, pelajar-pelajar juga menghadapi kesukaran untuk mendapat talian internet kerana rangkaian Wifi di UTM yang belum stabil.

Daripada kajian yang dilakukan oleh Arbaen (2006), dapatan kajiannya mendapati 23 orang daripada 60 orang responden mengakses sistem E-Pembelajaran pada tahap tinggi iaitu

lebih 38.3% responden mengakses E-Pembelajaran seminggu sekali manakala 11.6% mengakses setiap hari. Beliau menyatakan antara faktor yang menyebabkan pelajar kurang mengakses sistem E-Pembelajaran adalah kerana masalah rangkaian yang kurang memuaskan serta kedudukan CICT yang jauh daripada FP dan kolej mereka.

Selain itu, mungkin ini disebabkan berlakunya peningkatan dalam sistem EPembelajaran itu sendiri seperti perubahan antaramuka, isi kandungan dan maklumat semasa. E-Pembelajaran bukan sahaja hanya berkaitan memuat turun nota kuliah semata-mata malah merangkumi skop yang lebih meluas sehingga boleh menggalakkan proses pembelajaran aktif di luar kuliah. Ini mampu menarik pelajar pelajar untuk mengakses dengan lebih kerap dalam sistem E-Pembelajaran dan seterusnya memberi impak kepada perkembangan penggunaan E-Pembelajaran.

Petrides (2002), menyatakan bahawa E-Pembelajaran merupakan satu bentuk pengajaran yang fleksibel dimana pelajar boleh menyesuaikan mengikut waktu, pilihan yang disediakan serta lokasi yang sesuai. Dengan itu, pensyarah atau pengedali perlulah memastikan segala kekangan yang berlaku dapat diatasi bagi menarik minat pelajar menggunakan sistem E-Pembelajaran secara optimum.

Rujukan

- Jamalludin Harun dan Zaidatun Tasir (2006). *Panduan Penulisan Tesis 2006* Arbaen Hj Mohd Hanaffi (2006). *Tahap penerimaan pelajar Tahun Akhir SPT, SPP, SPK terhadap penggunaan sistem pengurusan e-pembelajaran UTM, Skudai, Johor*: Tesis Sarjana Muda
- Janarthini a/p Krishnan (2007). *Faktor-faktor yang mempengaruhi penggunaan epembelajaran di kalangan pelajar Tahun Akhir Jabatan Multimedia (SPP, SPK, SPT) Fakulti Pendidikan, UTM*. Tesis Sarjana Muda
- Tee Tze Kiong (2003). *Hubungan antara pola pembelajaran Kolb dengan kepelbagaian kecerdasan Gardner dikalangan pelajar tahun 2 Sarjana Muda Teknologi serta Pendidikan STP (A/E/J) dengan pelajar tahun 2 Sarjana Muda Kejuruteraan (Awam / Elektrik/ Mekanikal) di Universiti Teknologi Malaysia*: Tesis Sarjana.